



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

[Search Newspapers](#)[Browse Newspapers](#)

I am looking for

[Advanced Search ▾](#)

Home &gt; Berita Harian &gt; 20 December 1965 &gt; Page 5 &gt; Pendapat bahawa murid2 yang lapar mundor tidak-lah benar

## Pendapat bahawa murid2 yang lapar mundor tidak-lah benar



Berita Harian, 20 December 1965, Page 5

Article also available on [Microfilm Reel NL4326](#)[^ Scroll to Top](#)[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

# *Pendapat bahawa murid2 yang lapar mundor tidak-lah benar* Ibu Bapa Ulu Langat menolak kenyataan yang di-buat oleh guru besar sekolah

KAJANG,

Ahad

IBU bapa pelajar2 di-daerah Ulu Langat telah menafikan kenyataan yang di-buat oleh Puan A.P. Richard guru besar Sekolah Rendah Inggeris Kajang tentang banyak murid di-sini konon tidak lulus kerana kurang makan.

Puan A. P. Richard dalam uchapan-nya dalam majlis menyampaikan hadiah di-sekolah-nya pada penghujung bulan November yang lalu telah menerangkan bahawa dari 10 orang murid-nya yang mengambil pepereksaan sa-ramai lima orang tidak lulus kerana murid2 itu lapar tidak makan pagi manakala hendak bersekolah.

Dato' Dagang Darus bin Saidi ketua kampong Su-

[Information ^](#)Newspaper:  
Berita HarianDate:  
20 December 1965Reel Number:  
NL4326Share [Email](#) [Print](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [LinkedIn](#)[Table of Contents ^](#)[Page 5 ▾](#)[Pendapat bahawa murid2 yang lapar mundor tidak-lah benar](#)

Pendapat bahawa murid2 yang lapar mundor tidak-lah benar ibu Bapa Ulu Langat menolak kenyataan yang di-

[Saham2 untuk pembangunan](#)

Saham2 untuk pembangunan mELOK ANSON, Ahad. 1 Sharikat Pembangunan Ekonomi Ra'ayat yang baru

[Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman sa-bagai ketua Perikatan, sedang memberi uchapan sabelum meshuarat Majlis Keluangan Persekutuan di](#)[View Full Table of Contents >](#)

ngai Ramai Kajang telah menafikan sama sekali kenyataan Puan A.P. Richard itu.

Beliau menerangkan: "Walau pun penduduk2 kampong sekarang tidak mewah kerana harga getah murah tetapi ibu bapa telah berusaha sa-daya upaya bekerja menchari naikah untuk memberi makanan anak2-nya dan juga mengadakan buku2 pelajaran anak2-nya."

Kapada ibu bapa yang miskin tiap2 tahun telah meminta bantuan dari Jabatan Kebajikan Masharakat untuk membeli buku anak2-nya, kata beliau.

Dato' Dagang Darus berkata lagi: "Orang2 kampong yang miskin tidak menghantar anak2-nya ka-sekolah Inggeris. Orang2 yang menghantar anak-nya ka-sekolah ini ia-lah orang2 yang banyak kebun getah, anak2 kerani dan orang yang makan gaji dengan kerajaan."

## Tidak lojik

"Untuk mengatakan orang2 yang berkemampuan yang belajar di-sekolah Inggeris itu tidak makan sudah tentu tidak lojik. Sekolah Inggeris itu sendiri ada menyediakan asrama untuk anak orang2 kampong yang jauh dari sekolah," kata beliau lebih jauh.

Menurut Dato' Dagang Darus murid2 yang berlajar di-sekolah kebangsaan di-kampong2 walau pun ibu bapa mereka miskin namun mereka maju dalam pelajaran.

Satu chuntoh ia-lah pada tahun 1964 sa-ramai 47 orang pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Melayu Kajang mengambil pereksonan L.C.E. semuanya lulus.

Dan sa-ramai 44 orang pelajar2 itu telah mendapat grade satu dan 3 orang dapat grade tiga.

"Tuhan nelaajar2 ini



semua-nya miskin. Pelajar2 itu kadang2 berjalan kaki berbatu2 jauh-nya ka-sekolah menengah tetapi mengapa mereka maju dalam pelajaran," dia berkata.

## Rasa kesal

Dato' Darus juga kesal terhadap kenyataan Puan A.P. Richard yang menyeru Pegawai Penerangan dan ketua kampong supaya memberi kursus kapada ibu bapa tentang kemundoran pelajaran anak2 mereka.

Kursus tata ra'ayat memang di-adakan di-kampong2 untuk memberi berbagai2 penerangan kepada ibu bapa termasok juga soal2 pelajaran, katanya.

Sementara itu, Inche' Karim bin Haji Busu dari Beranang pula menerangkan:

"Kemundoran pelajaran anak2 itu banyak sebabnya.

Pelajar2 itu gagal dalam perlajaran kerana kemiskinan, kerana ibu bapa tidak mengambil perhatian tentang pelajaran anak2 mereka dan juga kechualan guru pun menyebabkan kemundoran murid2 itu."

Menurut Inche' Karim sa-tengah2 guru bekerja bersunggoh2 untuk kemajuan pelajaran, tetapi ada juga guru2 yang bekerja untuk membeli motokar.

Sa-orang janda Che' Fatimah binti Kali Baginda menerangkan bahawa soal makan minum untuk maju mundor-nya pelajaran tiap2 sa-orang itu tidak timbul.

Maju mundor-nya sa-orang pelajar menchontohi ibu bapa mereka atau pun menchontohi guru2 mereka, kata Che' Fatimah.

Menurut Che' Fatimah lagi sunggoh pun dia sa-orang janda penoreh getah dan bernendanatan



\$2.50 sen sa-hari tetapi dia berusaha keras untuk memberi makan anak2-nya dan memebri pelajaran anak2-nya.

## Tanggongan

"Ini ia-lah tanggongan sa-orang ibu," kata-nya.

"Anak2 saya sunggoh pun miskin menonggang basikal sa-jauh 12 batu ka-Sekolah Menenangah Melayu Kajang tetapi mereka maju dalam pelajaran-nya dan tidak pernah ponting sekolah," kata Che Fatimah lagi.

"Barang kali anak2 yang selalu ponting sekolah itu anak yang mewah dan yang di-beri belanja sekolah berlebehian2. Karena mewah-nya itu mereka lebeh mementingkan panggong wayang dari sekolah," tegas beliau.



PUAN RICHARD

### Related Articles

No related article found.





ort Vulnerability  Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29